



## PERMOHONAN BAGI MENGISI JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA AIR PERAK

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak) yang berkelayakan untuk memohon mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan Lembaga Air Perak seperti berikut:-

1. (a) Nama Jawatan : **Pekerja Awam Gred R1 ( Lelaki Sahaja )**  
(b) Klasifikasi : Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir  
(c) Kumpulan Perkhidmatan: Sokongan  
(d) Skim Perkhidmatan : Pekerja Awam
2. Jadual Gaji : Gred R1  
P1T1 RM 647.51 - P1T14 RM 1178.43  
P2T1 RM 689.98 - P2T14 RM 1242.09  
P3T1 RM 734.08 - P3T14 RM 1307.38
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - a) warganegara Malaysia
  - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
  - c) (i) tamat Darjah 6 Sekolah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan  
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini  
(Gaji permulaan ialah pada Gred R1 : P1T3)  
DAN
  - d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
4. Taraf Jawatan : Tetap
5. **Penaklukan di Bawah Syarat-Syarat Perkhidmatan**  
Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa
6. Fungsi Bidang Tugas :
  - 6.1 Menjalankan kerja-kerja pembaikan paip-paip pecah
  - 6.2 Membantu dalam kerja-kerja penyambungan paip-paip baru yang telah dikenalpasti
  - 6.3 Melakukan kerja-kerja pembersihan dan pengindahan dalam bangunan dan sekitar tempat bertugas
  - 6.4 Melakukan tugas-tugas am
7. **CARA MEMOHON**
  - (i) Permohonan hendaklah dibuat dalam LAP.J.1/97 yang diperolehi secara percuma di *Bahagian Pentadbiran Ibu Pejabat, Lembaga Air Perak, Jalan St. John, 30200 Ipoh.*
  - (ii) Pemohon yang berkehendakkan borang melalui pos hendaklah menyertakan sampul surat berukuran 38cm x 26cm, beralamat sendiri dan bersetem yang mencukupi .
  - (iii) **Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan Sijil Kelahiran, Salinan Kad Pengenalan, salinan**

**Sijil-sijil Persekolahan dan kelulusan serta dokumen-dokumen lain berkaitan yang telah disahkan.**

- (iv) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar tidak lewat atau pada **29.01.2010 (Jumaat)** dalam sampul surat berukuran 38cm x 26cm. Disudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis tajuk jawatan **Pekerja Awam Gred R1** dengan **No. Rujukan: LAP 0086A Jld.6**
- (v) Permohonan daripada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Kuasa-Kuasa Tempatan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan bersama-sama Penyata Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi yang kemaskini melalui Ketua Jabatan.

**8. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

- (a) Permohonan hendaklah sampai kepada :

**PENGURUS BESAR  
LEMBAGA AIR PERAK  
JALAN ST. JOHN,  
30200 IPOH.  
(U/P: Bahagian Perjawatan).**

- (b) Tarikh Tutup : **29.01.2010 (Jumaat)**

**9. CATATAN AM**

- (a) Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Lembaga Air Perak tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temuduga ini.

**( Ir. HJ. AHMAD ZUBIR B. MOHD YUSOF )**

Pengurus  
Hal Ehwal Korporat  
b/p Pengurus Besar,  
Lembaga Air Perak.